



TEKS UCAPAN

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN SIRI 2

TAHUN 2023

KEMENTERIAN KERJA RAYA

18 JULAI 2023 (SELASA)

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

PENDAHULUAN

Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan kesyukuran kerana telah diberikan ruang dan kesempatan untuk kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Siri Kedua Bagi Tahun 2023. Kita telah beranjak ke suku tahun ketiga bagi tahun 2023 dan pastinya kita telah menjayakan pelbagai aktiviti dan juga program-program rasmi serta telah menempa pelbagai pencapaian cemerlang.

2. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja KKR dan agensi yang hadir pada hari ini. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua urusetia yang terlibat dalam penganjuran majlis pada hari ini. Sesungguhnya penganjuran majlis sebegini, membuktikan komitmen dan semangat kerjasama yang tinggi antara warga KKR dan juga agensi di bawahnya.

HALA TUJU: DASAR PEMBINAAN NEGARA (NATIONAL CONSTRUCTION POLICY- NCP) 2030: REFORMASI SUBSTANTIF SEKTOR PEMBINAAN NEGARA

3. KKR membawa visi dan misi dalam menjadi peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara. KKR mendukung agenda dalam memperkasakan pembangunan infrastruktur dan pengurusan aset menyeluruh serta memperluas pendigitalan industri pembinaan untuk kesejahteraan rakyat.

4. Dasar Pembinaan Negara (National Construction Policy- NCP) 2030 telah menyasarkan inisiatif pendigitalan sektor pembinaan negara dalam usaha memangkinkan pertumbuhan ekonomi sektor pembinaan negara yang lebih mampan dan mapan selari dengan 6 rukun Malaysia MADANI.

5. Kesan pandemik COVID-19 menuntut agar sektor ini memperkasakan kaedah melakukan kerja melalui inisiatif pendigitalan. Proses adaptasi pendigitalan ini perlu melalui reformasi substantif secara bersasar dan konsisten melalui inisiatif drastik dalam *restructuring, reengineering, re-enhance dan rejuvenate* (4R) dalam tempoh pelaksanaan jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Ini bagi membolehkan momentum pertumbuhan sektor ekonomi lebih mampan, lebih maju dan makmur selaras dengan objektif Dasar Pembinaan Negara (National Construction Policy-NCP) 2030.

6. Usaha 4R akan mendayaupayakan keseluruhan tenaga kerja, sistem dan kaedah pelaksanaan kerja, perundangan dan peraturan termasuk dasar- dasar semasa yang berpaksikan 6 rukun utama Malaysia MADANI melalui usaha kemampanan (sustainability), kesejahteraan (prosperity) dan daya cipta (innovation) yang seterusnya menghasilkan hubungan di antara Kerajaan dan masyarakat yang lebih berlandaskan hormat (respect), berkeyakinan (trust) dan nilai ihsan (care & compassion) bersandarkan kepada hubungan kepada tuhan, hubungan sesama manusia, dan hubungan dengan alam.

7. Fokus utama inisiatif pendigitalan sektor pembinaan adalah seperti berikut:

- Pertama, kadar pertumbuhan purata sektor pembinaan sebanyak 4.2% setahun dengan sasaran pertumbuhan sektor pembinaan 10.3% pada tahun 2030. Bagi tujuan ini, KKR telah mempergiat usaha-usaha menyusun semula sumbangan aktiviti ekonomi berdasarkan dokumen Piawai Klasifikasi Industri (Malaysia Standard Industrial Classification) bersama-sama dengan pakar-pakar dalaman KKR, pihak Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Produktiviti Malaysia;
- Kedua, kadar pertumbuhan purata produktiviti buruh sector pembinaan sebanyak 3.8% dengan sasaran RM75 ribu bagi setiap pekerja pada tahun 2030; dan
- Ketiga, tahap kebergantungan pekerja asing dikurangkan dari 37% kepada 15% pada tahun 2030 melalui upskilling dan reskilling pekerja tempatan (kaedah pemerksaan Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional- TVET dalam era Revolusi Industri- IR 4.0) dengan pengukuhan tenaga kerja tempatan sejumlah 85% daripada 63% pada masa ini.

8. Penggunaan dan keupayaan teknologi kini menjadi tuntutan sejagat sekiranya ingin berjaya di persada antarabangsa. Dalam mendepani perubahan ini, setiap warga kerja KKR dan agensinya, baik di peringkat profesional, pentadbiran sehinggalah peringkat operasi, perlulah bersama-sama komited memastikan anjakan paradigma yang sistematik dan menyeluruh bermula daripada diri kita sendiri yang seterusnya dapat melahirkan tenaga kerja tempatan yang berimpak tinggi dalam sektor pembinaan Malaysia. Pemikiran di takuk lama akan menyebabkan kita ketinggalan dalam menongkah arus perubahan dunia. *It's amazing what*

we can accomplish when we're in it together. Jadi, wajarlah kita sentiasa proaktif dan dan memantapkan lagi kerjasama, agar kekal relevan dalam industri ini.

ISU PENYENGARAAN JALAN RAYA

9. Acap kali kita melihat dan mendengar pembangunan infrastruktur dijadikan sebagai salah satu kayu pengukur kepada kedudukan kekukuhan sesebuah negara. Dalam hal ini, tahap pembangunan infrastruktur Malaysia tidak terkecuali dalam mendapat sorotan yang berterusan dan tertumpu kepada pembangunan rangkaian jalan raya, lebuhraya, jambatan, hospital, sekolah dan prasarana lain.

10. KKR mengambil serius isu berkaitan keselamatan pengguna jalan raya khususnya. Perhatian, kepantasan tindakan dan pemantauan berterusan penyenggaraan jalan raya diharap dapat mengubah persepsi masyarakat bahawa kita mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik bersesuaian dengan kehendak masyarakat. Perubahan persepsi ini secara tidak langsung mampu membina keyakinan rakyat kepada Kerajaan dan kredibiliti perkhidmatan awam, khususnya KKR dan agensi. Tindakan proaktif amat penting untuk dilaksanakan. Jangan tunggu sehingga aduan dibuat oleh rakyat baru tindakan diambil.

11. Kerja – kerja penyenggaraan ini adalah satu amanah besar kepada kepada negara. *Saya ingin tegaskan di sini*, semua pihak yang berkaitan sentiasa memantau kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi jalan raya. Sentiasa ingatkan kepada syarikat konsesi ini supaya “***honour the agreement and relationship***”. Rakyat

inginkan perkhidmatan penyenggaraan yang cekap dan baik tanpa mengira status.

PENCAPAIAN KEMENTERIAN KERJA RAYA

12. Kementerian Kerja Raya dan agensi turut menempa pelbagai pencapaian dan kejayaan cemerlang, antaranya berjaya mencapai pengiktirafan MyGPI dengan kategori Platinum. MYGPI merupakan indeks penilaian prestasi menggantikan Sistem Star Rating yang dilaksanakan oleh pihak MAMPU sebelum ini ke atas 27 Kementerian dan 5 Agensi Pusat dan Jabatan Utama (APJU). Penilaian MyGPI ini telah dilaksanakan pada tahun 2022 bagi mengukur prestasi dan kecermelangan sistem penyampaian sektor awam bagi kluster Kementerian dan APJU. Empat (4) dimensi utama yang dinilai adalah aspek Pengurusan Organisasi, Pendigitalan Perkhidmatan, Pentadbiran dan Prestasi Sektor Awam. Sementara enam (6) kriteria tadbir urus yang dinilai meliputi kepimpinan, integriti, ketelusan, inklusif, pematuhan dan responsif.

13. Anugerah Pensijilan MyGPI dengan kategori Platinum ini telah diumumkan dan disampaikan oleh KSN kepada KSU KKR dalam Majlis Pemukiman KSU KP di INTAN Bukit Kiara pada 28 Mei 2023 yang lalu. Kementerian Kerja Raya telah mendahului KPKT dan KDN sebagai 3 Kementerian yang berjaya mencapai penilaian terbaik dengan kategori Platinum. Selain platinum kategori berikutnya adalah GOLD dan SILVER. Namun apa yang lebih membanggakan lagi Jabatan Kerja Raya (JKR) yang merupakan agensi di bawah KKR juga berjaya memperolehi pengiktirafan kategori Platinum bagi kluster APJU. Ini merupakan satu pengiktirafan yang cukup cemerlang buat Kementerian dan agensi

sekaligus menjadi contoh kepada Kementerian dan agensi lain dalam memastikan hanya yang terbaik diberikan kepada rakyat melalui sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang. Pensijilan MyGPI ini berkuatkuasa bagi tempoh dua (2) tahun sehinggalah penilaian semula dilaksanakan oleh MAMPU pada tahun 2024.

14. Selain itu juga, Majlis Perasmian Sambutan HRMIS Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Agensi-Agensi Tahun 2023 yang buat pertama kalinya diadakan secara inklusif telah berlangsung baru-baru ini. Berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Dimensi Daya Saing Agensi & Tadbir Urus dan Akauntabiliti (Tier 2 & Tier 3) bagi KKR, Kementerian menyasarkan pemarkahan lima (5) bintang dalam pelaksanaan modul HRMIS (Human Resource Management System) dengan markah melebihi 95%. Sukacita ingin saya umumkan, KKR telah berjaya mencapai sasaran 5 bintang sejak KPI HRMIS ini diperkenalkan pada tahun 2009.

15. Sebagai peneraju infrastruktur negara, pelbagai projek pembangunan infra rakyat telah dibangunkan oleh KKR, dan tahun ini sahaja terdapat beberapa projek infrastruktur yang telah siap sepenuhnya dan dibuka untuk kegunaan awam, antaranya ialah:

- a) Jambatan Sejangap, Bagan Datuk, Perak
- b) Fasa 2 Lebuhraya SUKE
- c) Projek Jajaran Lingkaran Tengah Utama (LTU)
 - Seksyen 5B: Kampung Orang Asli Sg. Chandan Ke Kampung Asap sepanjang 16 kilometer (km)
 - Sebahagian Seksyen 5A (Persimpangan Krau, Raub) sepanjang 600 meter.

- Seksyen 3B dan Seksyen 3C Gua Musang

d) *Flyover* dari Arah Kota Bharu Merentangi Bulatan Wakaf Bharu ke Pengkalan Kubor

16. Seperti yang kita sedia maklum juga, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak adalah amat sinonim dengan KKR. Sukacita saya umumkan di sini, status kemajuan semasa bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah adalah 79% siap dan bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak adalah 96% siap. Tahniah semua!

17. Tidak ketinggalan juga, baru – baru ini seramai 16 orang yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya telah menerima Watikah Pemangkuan JUSA ini. Dari 16 Pegawai-pegawai Kanan yang menerima Watikah JUSA Pemangkuan JUSA ini, seorang pegawai menerima gred Utama A, tiga orang pegawai menerima gred Utama B, dan 12 pegawai gred Utama C. Selain itu juga, seramai 8 orang Pegawai Tadbir dan Diplomatik gred M44 telah menerima watikah pemangkuan ke gred M48 Secara Khas Untuk Penyandang (KUP) daripada YBhg. Tan Sri KSN pada 13 Julai yang lepas. Tahniah diucapkan kepada semua pegawai yang terlibat dan saya harapkan, semua pegawai dapat terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada KKR dan negara. Semoga watikah ini menjadi pembakar semangat untuk terus memberikan khidmat bakti yang baik kepada rakyat.

18. Tahniah saya ucapkan kepada pengurusan dan seluruh warga KKR dan agensi atas semua pencapaian ini. Namun apa yang lebih penting adalah usaha berterusan agar kecermelangan ini dapat diteruskan untuk melayakkan KKR terus kekal dengan pengiktirafan tersebut serta

sentiasa memastikan tahap penyampaian perkhidmatan di peringkat yang terbaik.

CABARAN DAN HARAPAN

Perjalanan kita masih lagi panjang dan pelbagai cabaran harus kita tempuhi bagi separuh tahun ke dua 2023 ini. Kita harus memastikan rangka kerja yang dinamik dan sentiasa melihat kepada peluang penambahbaikan diri dari masa ke masa. Harapan dan aspektasi pemegang taruh juga perlu menjadi antara faktor yang diambil kira dalam menentukan sasaran kerja. Saya ingin berpesan, agar semua warga kerja KKR dan Agensi dapat menanam tekad dan usaha, untuk memastikan semua tanggungjawab dilaksanakan, menyiapkan projek-projek mengikut jadual yang ditetapkan, memastikan prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan di tahap optimum, serta dapat menterjemahkan agenda Malaysia MADANI dalam setiap aspek perlakuan dan pelaksanaan tugas serta fungsi Kementerian dan Agensi.

Peranan media dalam dunia pada masa ini, terutamanya media sosial amatlah penting, terutama dalam memberi penerangan dan menyampaikan maklumat yang benar dan tepat kepada masyarakat. KKR dan agensi tidak lagi boleh mengelak daripada menggunakan media sosial sebagai salah satu dari wadah penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Kita perlu lebih proaktif dan mampu melaksanakan tanggungjawab dengan lebih efektif. Saya harap, KKR dan agensi dapat menggunakan saluran media massa dan media sosial dengan lebih aktif, bagi meningkatkan lagi visibiliti dan persepsi positif KKR dan Agensi dengan lebih berkesan di khalayak ramai.

PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT KKR.

Warga KKR dan agensi yang saya kasihi sekalian,

19. Tidak lama lagi kita bakal meraikan Hari Kemerdekaan Negara yang ke 66 tahun. Sehubungan itu, Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) melalui Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia selaku Urus Setia Induk Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 akan melaksanakan Program Keceriaan Antara Kementerian bermula pada Julai 2023 sehingga 16 September 2023. Lawatan dari panel juri di KKR akan dibuat pada 15 Ogos 2023. Seluruh warga KKR dan agensi perlu bekerjasama dan berganding bahu untuk menjayakan aktiviti ini supaya kita dapat mengekalkan prestasi penarafan 5 bintang seperti yang diperolehi pada tahun 2022. [Kita juga perlu mengambil kesempatan ini untuk menterjemahkan rasa sayang dan cintakan tanah air ini melalui penglibatan yang aktif dalam menjayakan program ini.](#)

20. Saya dimaklumkan, selain pertandingan keceriaan, terdapat pelbagai pertandingan lain turut dianjurkan. Seluruh warga KKR dan agensi dialu-alukan untuk menyertai pertandingan ini kerana dan pelbagai hadiah menarik bakal menanti pemenang yang bertuah.

21. Akhir kata, dengan lafaz takzim saya merasmikan Pelancaran Hari Kebangsaan Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2023.

Sekian, terima kasih.